



BUKU PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

EDISI PERTAMA 2024



BUKU PANDUAN
ETIKA BERPAKAIAN DAN
PENAMPILAN KE PEJABAT
EDISI PERTAMA 2024

BUKU PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

EDISI PERTAMA 2024



www.utm.my
2024

First Edition 2024
©Universiti Teknologi Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan sebarang cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal lain, tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu. Untuk permintaan kebenaran, sila tulis kepada penerbit di alamat di bawah.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, or transmitted in any form or by any means, including photocopying, recording, or other electronic or mechanical methods, without the prior written permission of the publisher. For permission requests, please write to the publisher at the address below.

Perpustakaan Negara Malaysia

BUKU PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT
Editor Dayana Farzeeha Ali, Nur'aina Osman
Includes Index
ISBN 978-967-15678-4-5

Diatur huruf oleh / Typeset by
Media Kreatif dan Penjenamaan
Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA

Editor/Editors:
Dayana Farzeeha Ali & Nur'aina Osman

Pereka Kulit / Cover Designer:
Norfarhawa Khairi & Hafizah Mohamad Ahyah

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat & Jabatan Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
Percetakan Ilham Selatan
No.10 Jalan Perdagangan 16
Taman Universiti
81300 Johor Bahru, Johor
Tel: 017-777 9313. e-mail: ilhamselatan@gmail.com

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR

vii

PRAKATA

viii

PENGENALAN

x

1.0 PANDUAN PAKAIAN DAN PENAMPILAN BEKERJA

1

1.1 LOUNGE SUIT

2

1.1.1 LOUNGE SUIT LELAKI

2

1.1.2 LOUNGE SUIT WANITA

3

1.2 KEMEJA

4

1.2.1 KEMEJA LELAKI

4

1.2.2 KEMEJA/BLAUS WANITA

5

1.3 BAJU BATIK

6

1.4 PAKAIAN KEBANGSAAN/TRADISIONAL

7

1.4.1 BAJU MELAYU LELAKI

7

1.4.2 PAKAIAN KEBANGSAAN/TRADISIONAL WANITA

8

1.4.3 JENIS BAJU KURUNG

9

1.4.4 JENIS BAJU TRADISIONAL

10

1.5 BAJU KORPORAT

11

1.5.1 BAJU KORPORAT LELAKI

11

1.5.2 BAJU KORPORAT WANITA

11

1.6 PAKAIAN SERAGAM

14

2.0	PAKAIAN ALTERNATIF	25
2.1	PAKAIAN PENGAJARAN DI BENGKEL/ MAKMAL ATAU KERJA LAPANGAN	26
2.2	PAKAIAN WANITA MENGANDUNG	26
3.0	AKSESORI	29
3.1	KASUT	30
3.2	TALI LEHER	31
3.3	TAG NAMA	32
3.4	AKSESORI LAIN	33
4.0	TIP BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN BEKERJA	35
4.1	TIPS PENAMPILAN	36
4.2	ASPEK KETERAMPILAN	37
5.0	PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN	39
5.1	TINDAKAN PEMATUHAN	40
6.0	PENUTUP	41
	RUJUKAN	43

KATA PENGANTAR NAIB CANSOLOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Setinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Illahi atas limpah kurnia-Nya penerbitan buku ini dapat direalisasikan bagi rujukan warga Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah atas inisiatif Jabatan Pendaftar dan Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat UTM yang telah mendedikasikan masa dan tenaga dalam usaha menerbitkan *Buku Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat, Edisi Pertama* bagi tahun 2024.

Penerbitan buku etika berpakaian ini adalah selari dengan hasrat Universiti dalam memastikan *High Quality Performance Delivery* melalui imej profesionalisme yang kekal kemas dan terampil sewaktu menjalankan tugas. Imej terbaik yang ditonjolkan bakal memberi keyakinan bukan sahaja kepada diri kita sendiri malah kepada pihak berkepentingan dan orang awam yang banyak berurusan dengan Universiti hari ke hari.

Oleh yang demikian, saya berharap agar buku ini dapat memberi manfaat kepada seluruh staf Universiti dalam mempertingkatkan imej sebagai peneraju kecemerlangan institusi pendidikan tinggi yang disegani.

Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail
Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia



PRAKATA

PENDAFTAR

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah melahirkan teknokrat, profesional dalam bidang kejuruteraan dan teknologi serta kepimpinan akademik terbesar di negara ini. Selari dengan usianya kita menjadi rujukan dalam melahirkan bakat profesional negara. Kita patut berterima kasih kepada Allahyarham Tan Sri Ainuddin Wahid, Naib Canselor pertama UTM yang telah membina imej staf dan graduan UTM berasaskan falsafah penubuhan UTM 'Kerana Tuhan untuk Manusia'.

Maka bagi terus memelihara dan terus mewarisi nilai dan budaya tersebut penerbitan buku ini sesuai dan tepat pada masanya agar nilai baik yang telah ditanamkan ini terus segar dibudayakan dan tidak hilang ditelan zaman dan dilupakan oleh generasi baharu.

Sejarah telah membuktikan bangsa yang berjaya adalah bermula ketinggian adab dan budaya bangsa berkenaan dan jatuhnya sesuatu bangsa juga bermula dengan kejatuhan peradaban bangsa berkenaan.

Imej warga kerja Universiti menjadi cerminan kepada kredibiliti institusi ulung ini. Oleh yang demikian, buku Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat ini akan membantu membentuk sahsiah warga kerja UTM agar lebih dihormati dan dikenali di seluruh negara mahupun dunia.

Andalah duta kecil yang membentuk imej Universiti sebagai institusi pendidikan tinggi terbaik di negara ini dan disegani di arena global.

Puan Nor Azizah binti Ismail
Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia



PENGENALAN

Penampilan seseorang individu akan mencerminkan kredibiliti dan keupayaannya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. UTM amat mementingkan pengurusan dan pentadbiran yang unggul dan berprestij seiring dengan visi UTM menjadi sebuah universiti yang menyediakan Perkhidmatan Pendidikan dan Penyelidikan Bertaraf Dunia.

Justeru, Garis Panduan ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada warga kerja Universiti Teknologi Malaysia supaya wujud keseragaman (*uniformity*) dan ketekalan (*consistency*) cara berpakaian dan penampilan diri bagi melahirkan imej korporat warga UTM. Panduan ini menjelaskan secara terperinci mengenai tatacara berpakaian berdasarkan peraturan-peraturan sedia ada yang dikeluarkan oleh Etika Berpakaian Penjawat Awam.

Pemilihan pakaian yang telah disediakan dalam buku panduan ini adalah berdasarkan peraturan pakaian mengikut skim perkhidmatan dan kesesuaian serta keselesaan dalam melaksanakan tugas harian.


Perkara ini dijelaskan secara terperinci berdasarkan petikan kepada Peraturan-peraturan dalam Akta/Pekeliling/Arahan Perkhidmatan Awam sedia ada. Oleh yang demikian, Etika Berpakaian perlu dibaca bersama-sama dengan Akta/ Peraturan/ Arahan berkaitan supaya ia dapat difahami dengan lebih terperinci dan menyeluruh (*rujuk halaman Rujukan*).

Warga kerja UTM hendaklah memberikan perhatian serius terhadap perkara ini kerana kegagalan mematuhi peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan Pegawai UTM diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Diharapkan dengan adanya buku panduan ini, ia dapat membantu warga UTM dalam membentuk budaya berketerampilan diri yang kemas, profesional dan cemerlang bagi meningkatkan keyakinan dan persepsi masyarakat yang berurusan dengan warga kerja UTM.

“Dressing well is a form of good manners.”

- Tom Ford -



PANDUAN BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN BEKERJA

1.1 LOUNGE SUIT

1.1.1 LOUNGE SUIT LELAKI

1. Gabungan *2-pieces suit* atau *3-pieces suit* yang menggunakan warna, corak dan bahan yang sama terdiri daripada:
 - i. Kot
 - ii. Seluar panjang
 - iii. Kemeja lengan panjang berwarna putih/lembut/pastel.
2. Seluar, kot dan kemeja lengan panjang mestilah sepadan dari segi warna dan jenis fabrik.
3. Warna sut yang digalakkan adalah warna gelap seperti hitam, biru gelap atau kelabu gelap.
4. Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang berwarna putih/lembut/pastel dan bertali leher.
5. Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul segi tiga dan tidak dibenarkan memakai *bow tie*.
6. Paras pin tali leher perlu selari dengan saku baju.
7. Kasut hitam bertutup dan stoking berwarna hitam.
8. Tanda nama perlu dipakai di sebelah kiri dada.
9. Bersongkok jika dikehendaki.



Rajah 1
Lounge Suit bagi lelaki

1.1.2 LOUNGE SUIT WANITA

1. Gabungan *2-pieces suit* atau *3-pieces suit* yang menggunakan warna, corak dan bahan yang sama terdiri daripada:
 - i. Kot
 - ii. Seluar panjang/skirt bawah lutut/skirt panjang
 - iii. Kemeja lengan panjang berwarna putih/lembut/pastel.
2. Skirt/seluar, kot dan kemeja lengan panjang mestilah sepadan dari segi warna dan jenis fabrik.
3. Sut perlu dipakai dengan kemeja putih/lembut/pastel berlengan panjang yang dibutangkan.
4. Warna sut yang digalakkan adalah warna gelap seperti hitam, biru gelap atau kelabu gelap.
5. Tanda nama perlu dipakai di sebelah kiri dada.
6. Berkasut hitam bertutup dan bertumit dipadankan dengan stoking mengikut warna kulit.



Rajah 2 Lounge Suit bagi wanita

1.2 KEMEJA

1.2.1 KEMEJA LELAKI

1. Kemeja berkolar dan berlengan panjang hendaklah dibutangkan atau memakai kafling.
2. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (*tuck in*) dan lengan tidak dilipatkan.
3. Pilihan warna yang digalakkan adalah berwarna putih/lembut/pastel.
4. Kemeja berjalur seeloknya dipadankan dengan tali leher tanpa corak atau sebaliknya.
5. Sekiranya kemeja mempunyai butang kolar, kolar harus dibutangkan.
6. Kemeja hendaklah dipadankan dengan seluar panjang (*slack*) berwarna hitam dan juga tali pinggang berwarna hitam.



Rajah 3 Contoh pemakaian kemeja bagi lelaki

1.2.2 KEMEJA/BLAUS WANITA

1. Kemeja/blaus paras punggung dipadankan dengan seluar panjang atau skirt paras lutut/labuh berwarna gelap.
2. Seluar/skirt mestilah sepadan dari segi jenis kain dan warna.
3. Kemeja/Blaus hendaklah berlengan panjang dan memakai kafling.
4. Bagi wanita yang bertudung, kemeja/blaus perlu dipadankan dengan warna tudung yang bersesuaian.
5. Tudung yang digalakkan adalah tidak bercorak atau bercorak abstrak dan warna tidak terlalu terang.



Rajah 4 Contoh pemakaian kemeja atau blaus bagi wanita

1.3 BAJU BATIK

Semua pegawai adalah digalakkan untuk memakai baju batik Malaysia pada setiap hari Khamis dengan beberapa panduan seperti berikut:

1. Batik yang dipakai hendaklah bercirikan Batik Malaysia.
2. Bagi lelaki, pemakaian baju batik hendaklah dipadankan dengan seluar panjang (*slack*) berwarna hitam atau gelap.
3. Baju batik hendaklah berkolar dan berlengan panjang serta berkafling.
4. Bagi wanita, baju batik haruslah dipadankan dengan tudung yang bersesuaian warna atau tanpa corak.
5. Baju batik hendaklah bersesuaian, tidak jarang, dan tidak terlalu ketat.
6. Berkasut hitam bertutup dan bertumit dipadankan dengan stoking mengikut warna kulit.
7. Digalakkan membawa baju batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara dan memakainya di majlis yang bersesuaian bagi melambangkan identiti dan imej Malaysia.



Rajah 5 Contoh pemakaian baju batik

1.4 PAKAIAN KEBANGSAAN/TRADISIONAL

1.4.1 BAJU MELAYU LELAKI

1. Baju Melayu yang lengkap adalah bersamping, bersongkok hitam, dan berbutang.
2. Baju Melayu hendaklah dipakai dengan seluar dengan warna dan fabrik yang sama serta berkasut.
3. Warna samping hendaklah bersesuaian dengan warna baju.
4. Dilarang memakai Baju Melayu tidak lengkap (tidak bersongkok/seluar berlainan jenis warna atau tidak bersamping).
5. Dilarang memakai kurta dan seluar panjang (*slack*) ke pejabat.
6. Kasut hitam bertutup dan padanan stoking mengikut warna kasut atau seluar.



Rajah 6 Contoh pemakaian Baju Melayu bagi lelaki

1.4.2 PAKAIAN KEBANGSAAN/ TRADISIONAL WANITA

1. Pakaian Kebangsaan/Tradisional bagi wanita adalah termasuk **Baju Kurung, Kebaya, Kebarung, Cheongsam, Sut Punjabi, dan Sari**.
2. Baju-baju ini hendaklah dipakai mengikut keselesaan; tidak terlalu ketat dan tidak terlalu jarang.
3. Bagi wanita yang bertudung, digalakkan memilih warna tudung yang sepadan dengan warna baju.
4. Cheongsam haruslah mempunyai lengan, labuh dan belahan di bahagian tepi tidak melebihi atas lutut.
5. Sari dan Cheongsam perlu dipakai mengikut keselesaan dan bersesuaian; tidak jarang, labuh, tidak ketat dan menutup badan tanpa mendedahkan mana-mana bahagian badan.
6. Sari, Cheongsam, dan set punjabi hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi.
7. Berkasut hitam bertutup (bertumit/tapak rata) dipadankan dengan stoking mengikut warna kulit.



(a)



(b)



(c)

Rajah 7

Jenis Baju Kurung, iaitu (a) Baju Kurung Johor; (b) Baju Kurung Kedah;
(c) Baju Kurung Pahang; (d) Baju Kurung Cekak Musang;
(e) Baju Kurung Pesak; (f) Baju Kurung Telok Belanga



(d)



(e)



(f)

Rajah 7 samb.



(a)



(b)

Rajah 8

Jenis Baju Tradisional, iaitu (a) Baju Kebarung; (b) Baju Kebaya Labuh (c) Sut Punjabi; (d) Cheongsam; (e) Sari



(c)



(d)



(e)

Rajah 8 samb.

1.5 BAJU KORPORAT


1.5.1 BAJU KORPORAT LELAKI

1. Pemakaian Baju Korporat UTM adalah dipakai ke pejabat pada setiap hari Ahad dan juga ketika menghadiri majlis secara formal yang ditetapkan oleh Universiti.
2. Baju Korporat lelaki hendaklah dipakai dengan seluar panjang (*slack*) atau *khakis* berwarna gelap (cth: hitam/biru gelap).
3. Baju korporat lelaki tidak perlu dimasukkan ke dalam seluar (*tuck-in*).
4. Tag nama tidak perlu dipakai bersama.
5. Berkasut hitam bertutup dengan stoking mengikut warna kasut atau seluar.


1.5.2 BAJU KORPORAT WANITA

1. Pemakaian Baju Korporat UTM adalah dipakai ke pejabat pada setiap hari Ahad dan juga ketika menghadiri majlis secara formal yang ditetapkan oleh Universiti.
2. Baju Korporat wanita hendaklah dipakai dengan seluar panjang (*slack*) atau skirt labuh potongan 'A' berwarna hitam.
3. Bertudung merah manggis (*maroon*).
4. Tag nama tidak perlu dipakai bersama.
5. Berkasut hitam bertutup dan warna stoking mengikut warna kulit.

Panduan Berpakaian dan Penampilan Bekerja




Rajah 9 Spesifikasi Baju Korporat UTM bagi lelaki



Rajah 10 Spesifikasi Baju Korporat UTM bagi wanita



<https://brand.utm.my/project/utm-corporate-attire/>



Rajah 11 Spesifikasi Baju Korporat UTM bagi Muslimah



Rajah 12 Contoh pemakaian Baju Korporat UTM

1.6 PAKAIAN SERAGAM

1. Memakai pakaian seragam yang dibekalkan oleh jabatan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.
2. Baju dipadankan dengan seluar panjang hitam bagi lelaki dan bagi perempuan dipadankan dengan seluar panjang hitam, skirt labuh bawah lutut atau skirt panjang.
3. Pakaian seragam hendaklah dipakai dengan uniform yang lengkap dengan aksesori.
4. Berkasut hitam bertutup dan dipadankan dengan stoking mengikut warna kasut atau seluar atau warna kulit.
5. Bagi perempuan, pakaian seragam haruslah dipadankan dengan tudung daripada warna atau corak yang bersesuaian.
6. Pakaian seragam hendaklah dipakai sepanjang menjalankan tugas.
7. Pakaian seragam bagi pengawal keselamatan dipakai dan dibezakan mengikut tanda pangkat dan keperluan tugas.



Rajah 13 Pakaian seragam bagi Pembantu Operasi UTM



Rajah 14 Pakaian seragam bagi Pembantu Teknikal UTM



Rajah 15
Pakaian seragam bagi Pemandu UTM



Rajah 16
Pakaian seragam bagi
Pembantu Makmal UTM atau Juruteknik



Rajah 17 Pakaian seragam bagi Imam dan Bilal UTM



Rajah 18 Pakaian seragam bagi Pegawai, Penolong Pegawai, atau Pembantu Keselamatan dan Ketua Pengawal UTM



Rajah 19 Pakaian seragam bagi Anggota Keselamatan UTM



Rajah 20
Pakaian seragam bagi anggota Unit Kawalan Am UTM



Rajah 21
Pakaian seragam bagi
anggota Unit Trafik UTM



Rajah 22
Contoh pemakaian Baju Celoreng



Rajah 23

Contoh pemakaian Baju Istiadat



Rajah 24

Contoh pemakaian *Safari Jacket*
bagi Pengiring Rapat



Rajah 25

Pakaian seragam bagi
(a) Pegawai Perubatan dan
(b) Pegawai Pergigian UTM



Rajah 26

Pakaian seragam bagi
Jurupulih Perubatan



Rajah 27

Pakaian seragam bagi
Jururawat UTM



Rajah 28
Pakaian seragam
Penolong Pegawai Perubatan



Rajah 29
Pakaian seragam
Pembantu Pembedahan Pergigian



Rajah 30
Pakaian seragam
Penolong Pegawai Farmasi



Rajah 31
Pakaian seragam
Pembantu Perawatan Kesihatan



Rajah 32
Pakaian seragam
Juruteknologi Makmal Perubatan



Rajah 33
Pakaian seragam Juru X-ray



Rajah 34
Pakaian seragam
Baju Skrub



Rajah 35
Contoh pemakaian
Pakaian Perlindungan Diri (PPE)

PAKAIAN ALTERNATIF

2.1 PAKAIAN PENGAJARAN DI BENGKEL/MAKMAL ATAU KERJA LAPANGAN

1. Pakaian alternatif yang disediakan ini adalah merujuk kepada pakaian bagi staf Akademik ataupun staf PPP yang terlibat dengan pengajaran atau aktiviti di bengkel, makmal, menjalankan kerja lapangan atau acara separa formal.
2. Pakaian alternatif ini bagi memastikan staf dapat menjalankan tugas dengan baik dan selesa sesuai dengan tugas yang diberikan.
3. Pakaian alternatif ini hendaklah dipakai dengan kasut hitam bertutup dipadankan dengan warna stoking yang bersesuaian atau kasut keselamatan (*safety shoes*) sesuai mengikut bidang tugas yang dijalankan.
4. Pakaian alternatif hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak terlalu ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian).

2.2 PAKAIAN WANITA MENGANDUNG

1. Wanita mengandung hendaklah memakai baju mengandung yang labuh dan longgar.
2. Memakai kemeja atau blaus sama ada tidak bercorak atau bercorak sederhana yang melepasi punggung dan dipadankan dengan seluar panjang mengandung atau skirt labuh yang longgar.
3. Memakai *maxi* atau jubah labuh yang longgar.
4. Memakai kasut bertutup atau sandal yang sesuai dan selesa.



Rajah 36

Pakaian bagi staf yang terlibat dengan tugas pengajaran di bengkel atau makmal



Rajah 37 Pakaian bagi staf yang terlibat dengan kerja lapangan



Rajah 38 Pakaian bagi wanita mengandung

AKSESORI

3.1 KASUT

3.1.1 KASUT FORMAL LELAKI

1. Bersih dan berkilat
2. Bertumit digalakkan (0.5" – 1.0")
3. Bertutup
4. Berwarna gelap
5. Kulit / PVC atau setara
6. Sarung kaki sepadan dengan seluar atau kasut

3.1.2 KASUT FORMAL WANITA

1. Digalakkan bertumit (1.5" – 2.0") atau tapak rata
2. Bertutup penuh
3. Berwarna gelap
4. Kulit / PVC atau setara
5. Sarung kaki yang sesuai dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki)



Rajah 39

Contoh pemakaian kasut formal lelaki ke pejabat




Rajah 40


Contoh pemakaian kasut formal wanita ke pejabat

3.2 TALI LEHER

1. Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul tiga.
2. Jika mengenakan sapu tangan poket, tali leher hendaklah dipadankan dengan warna yang sama.
3. Hujung tali leher perlu mencecah kepala tali pinggang.
4. Kedudukan pin tali leher adalah di bahagian tengah saku baju.
5. Jika memakai *lounge suit*, tempat pin yang sesuai ialah separas atas saku baju.



(a)



(b)



(c)



Cara memakai tali leher dengan mudah.

Rajah 41

(a) Ikatan tali leher simpul tiga; (b) Kedudukan pin tali leher; (c) kedudukan hujung tali leher.

3.3 TAG/TANDA NAMA

1. Setiap staf UTM perlu memakai tag/tanda nama semasa berada di pejabat atau ketika melakukan tugas rasmi di luar pejabat.
2. Tanda nama dipakai pada sebelah kiri baju atau tudung.
3. Tanda nama digunakan bersama lounge suit bagi acara rasmi.
4. Tag nama (kad matrik) perlu dipakai secara harian.



(a)



(b)

Rajah 42 (a) Tag nama; (b) Tanda nama

3.4 AKSESORI LAIN

3.4.1 KAFLING (*CUFF LINK*)

Digalakkan memakai kafling dengan baju kemeja lengan panjang (*rujuk* Rajah 43).

3.4.2 BEG TANGAN

Beg tangan yang bersesuaian dari segi saiz dan bentuk (*rujuk* Rajah 44).

3.4.3 RANTAI/GELANG/CINCIN

Sederhana serta tidak terlalu sarat dan mewah (*rujuk* Rajah 45).



Rajah 43 Kafling



Rajah 44 Contoh beg tangan ke pejabat



Rajah 45 Contoh rantai, gelang atau cincin yang bersifat sederhana

TIP PENAMPILAN DAN BERKETERAMPILAN

4.1 TIPS PENAMPILAN

4.1.1 LELAKI


1. Bagi mereka yang bertubuh gempal, digalakkan memilih pakaian yang bercorak jalur menegak supaya dapat memberi impresi tubuh yang lebih tinggi dan kecil.
2. Bagi mereka yang kurus, digalakkan memilih pakaian yang bercorak jalur melintang supaya dapat memberi impresi tubuh yang sedikit berisi.
3. Adalah DILARANG untuk memakai seluar jenis kargo atau *palazzo*.
4. Rambut perlulah pendek, rapi, dan tidak mencecah kolar baju.
5. Elakkan mewarnakan rambut.
6. Pemakaian minyak wangi yang tidak berlebihan.
7. Memastikan janggut/jambang/misai dalam keadaan yang kemas.

4.1.2 WANITA

1. Bagi mereka yang bertubuh gempal, digalakkan memilih pakaian yang bercorak jalur menegak atau berbunga kecil supaya dapat memberi impresi tubuh yang lebih tinggi dan kecil.
2. Bagi mereka yang kurus, digalakkan memilih pakaian yang bercorak jalur melintang atau berbunga besar supaya dapat memberi impresi tubuh yang sedikit berisi.
3. Baju kurung hendaklah tidak melebihi tiga kombinasi warna bagi menampilkan imej korporat serta boleh dipadankan dengan *shawl* atau selendang mengikut warna dan corak yang bersesuaian.
4. Skirt labuh potongan 'A' dapat memberikan kesan penampilan yang kemas dan menarik untuk semua potongan tubuh.
5. Wanita mengandung diwajibkan memakai pakaian mengandung yang labuh dan longgar supaya selesa.
6. Memakai blaus melepasi paras punggung dan dipadankan dengan skirt labuh yang longgar, *maxi* dan jubah adalah digalakkan.
7. Wanita mengandung digalakkan memakai kasut bertumit rendah.
8. Wanita yang berambut panjang, seeloknya diikat atau disanggul.

4.2 ASPEK KETERAMPILAN

1. Warga UTM perlu berketerampilan menarik untuk membina persepsi pertama yang positif dalam kalangan pelanggan.
2. Pemantapan imej mengambil kira beberapa perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam membina penampilan diri iaitu potongan rambut, pilihan warna dan corak, jenis pakaian, aksesori, gaya, dan cara percakapan.
3. Memastikan kebersihan diri diutamakan. Kebersihan juga meliputi dandanan rambut, keadaan pakaian, dan kebersihan mulut dan kuku.
4. Hendaklah memastikan ketika berkomunikasi dengan pelanggan sama ada melalui telefon mahupun bersemuka penggunaan bahasa yang betul dan tona suara yang jelas perlu dititikberatkan.
5. Sentiasa memberi senyuman kepada semua pelanggan dan rakan sekerja.
6. Bercakap dengan sopan dan tertib.
7. Saling menghormati.
8. Menampilkkan gaya (cara berjalan, cara ketawa, dan mimik muka) yang sesuai dan sopan semasa berinteraksi dengan pelanggan adalah sangat penting untuk memberi persepsi yang baik kepada organisasi.



PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

5.1 TINDAKAN PEMATUHAN

Selaras dengan peraturan semasa yang telah ditetapkan kepada warga kerja sebagai penjawat awam khususnya di Universiti Teknologi Malaysia, panduan yang terkandung di dalam buku ini adalah berkuat kuasa serta-merta. Pihak Pengurusan Universiti mengambil berat terhadap pematuhan warga kerja UTM berkenaan cara berpakaian dan berpenampilan sepanjang menjalankan tugas sebagaimana yang telah digariskan.

Justeru, semua Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menyelia warga jabatan di jabatan masing-masing mematuhi peraturan ini. Ketua Jabatan berhak menegur staf di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan cara berpakaian dan berpenampilan sentiasa mengikut garis panduan yang telah dinyatakan serta bersesuaian mengikut tugasan rasmi yang dijalankan.

Jabatan Pendaftar melalui Seksyen Governans yang merupakan pihak autoriti utama dalam perkara ini akan turut sama melakukan usaha pemantauan dan penguatkuasaan dalam kalangan warga kerja Universiti. Oleh yang demikian, sebarang perubahan terhadap pematuhan garis panduan yang terkandung di dalam buku ini adalah tertakluk kepada Pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.

Pihak Pengurusan Universiti berharap seluruh warga kerja UTM dapat memberi perhatian dan kerjasama berhubung perkara untuk kita menyediakan suasana kerja yang harmoni, berkesan serta membawa imej baik kepada UTM secara menyeluruh.

PENUTUP

Usaha murni dalam menjayakan transformasi keterampilan diri sudah pasti memerlukan komitmen dan pemikiran yang positif daripada seluruh Warga UTM bagi merealisasikan agenda ini.

Pelaksanaan kepada garis panduan kepada etika berpakaian dan penampilan ke pejabat ini secara tidak langsung membuktikan bahawa warga UTM sanggup melakukan transformasi demi memastikan tahap profesionalisme dan kecemerlangan warga UTM sebagai sebuah institusi yang menawarkan perkhidmatan pendidikan dan penyelidikan yang bertaraf dunia.

Akhir kata, diharapkan buku panduan ini dapat menonjolkan imej dan personaliti yang positif selain membentuk peribadi individu agar lebih berdisiplin dan berketerampilan. Ini secara tidak langsung dapat memberi imej yang baik kepada UTM.

RUJUKAN

Malaysia. Jabatan Perkhidmatan Awam. (1985). *Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2: Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi bagi Pegawai-Pegawai Awam*. <https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/1985/pp021985.pdf>

Malaysia. Jabatan Perkhidmatan Awam. (2006). *Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1: Fesyen Pakaian Alternatif sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi*. <https://docs.jpa.gov.my/docs/spp/2006/spp012006.pdf>

Malaysia. Jabatan Perkhidmatan Awam. (2008). *Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1: Pemakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada Hari Khamis*. <https://docs.jpa.gov.my/docs/spp/2008/spp012008.pdf>

Malaysia. Jabatan Perkhidmatan Awam. (2013). *Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9: Pemakaian Two/Three-Piece Pant Suit bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja*. <https://docs.jpa.gov.my/docs/spp/2013/spp092013.pdf>

Malaysia. Jabatan Perkhidmatan Awam. (2021). *Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2021: Pemakaian Batik Malaysia bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan*. <https://docs.jpa.gov.my/docs/spp/2021/spp012021.pdf>

Universiti Teknologi Malaysia. (2019). *"Pekeliling Perkhidmatan Bil. 26/2019: Pemakaian Pekeliling Pentadbiran Bil. 53/2018 Pakaian Kerja Staf."* dlm. *Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor Bil. 5, 2018*. <https://registrar.utm.my/circular/surat-pekelling-pentadbiran/surat-pekelling-pentadbiran-2019/>

Anda juga boleh mendapatkan salinan
Buku Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat
versi digital menerusi telefon pintar
dengan mengimbas kod QR yang disediakan.



<https://registrar.utm.my/etikaberpakaian>



Menginovasi Penyelesaian



   Universiti Teknologi Malaysia
  utm_my  utmofficial